

Bahagian A

Jawab semua soalan.

8.1 Latar Belakang Masyarakat Arab Sebelum Kedatangan Islam

- 1 Selepas keruntuhan Empangan Maarib sekitar tahun 300 M, masyarakat Arab Jahiliyah tidak mampu membinanya semula. Mengapakah keadaan ini berlaku?
- A Kehidupan miskin
B Tidak mewarisi ilmu
C Persengketaan manusia
D Bencana alam semula jadi

Buku Teks m.s. 160

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan tiga ibu kota yang penting yang terletak di wilayah Hijaz.

- Makkah
- Madinah
- Taif

Apakah faktor yang membolehkan ibu kota tersebut berkembang dari segi perdagangan dan pertanian?

- A Kedudukan yang strategik
B Infrastruktur yang lengkap
C Pentadbiran yang cekap
D Terdapat banyak penduduk

Buku Teks m.s. 160

- 3 Masyarakat Arab Jahiliyah mengamalkan sistem kabilah yang diketuai oleh seorang syekh. Antara berikut, apakah sikap yang perlu ada bagi ketua tersebut?
- I Berani
II Matang
III Berintegriti
IV Bijaksana
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Buku Teks m.s. 161

- 4 Pedagang Arab Jahiliyah menggunakan laluan perdagangan yang dikenali sebagai Laluan Sutera. Apakah kesan penggunaan jalan tersebut oleh masyarakat Arab Jahiliyah?
- A Amalan pelbagai bahasa
B Penggabungan kebudayaan
C Perkembangan hubungan diplomatik
D Aktiviti perdagangan antarabangsa dijalankan

Buku Teks m.s. 162

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan agama yang diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliyah.

Menyembah berhala seperti al-Latta, al-Uzza, al-Manat dan Hubal.

Apakah agama yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Animisme
B Majusi
C Wathani
D Hunafa'

Buku Teks m.s. 163

- 6 Terdapat sikap yang baik dalam kalangan masyarakat Arab Jahiliyah. Apakah sikap tersebut?
- A Menghormati kaum wanita
B Menyediakan makanan untuk tetamu
C Mengenakan cukai tinggi kepada pengembara
D Memberi keutamaan kepada anak perempuan

Buku Teks m.s. 163-164

8.2 Kemunculan dan Perkembangan Tamadun Islam

- 7 Apakah kesan penurunan wahyu berikut?

Surah al-Alaq, ayat 1-5

- A Bermulanya Tamadun Islam
B Melahirkan pemimpin yang baik
C Menghapuskan perbezaan taraf hidup
D Meningkatkan daya saing dalam masyarakat

Buku Teks m.s. 165

- 8 Antara berikut, yang manakah tidak berkaitan dengan penyebaran Islam secara rahsia?
- I Mengadakan pertemuan di Bukit Safa
 - II Tentangan hanya daripada saudara-mara
 - III Rumah sahabat menjadi pusat dakwah
 - IV Berlaku selama tiga tahun
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- Buku Teks m.s. 166*

9 Siapakah khalifah X?

Khalifah X



Wilayah Islam yang luas telah dibahagikan kepada beberapa bahagian bagi memudahkan pentadbiran.

- A Khalifah Abu Bakar al-Siddiq
 - B Khalifah Ali bin Abi Talib
 - C Khalifah Umar bin al-Khattab
 - D Khalifah Uthman bin Affan
- Buku Teks m.s. 167*
- 10 Apakah yang berkaitan dengan zaman Kerajaan Turki Uthmaniyyah?
- A Memiliki dua pusat pentadbiran
 - B Pengaruh Islam mula tiba di Eropah
 - C Pengaruh Islam tiba di Alam Melayu
 - D Perkembangan ilmu pengetahuan
- Buku Teks m.s. 168*

- 11 Agama Islam mudah disebarkan dan diterima oleh masyarakat disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah
- A kekuatan tentera
 - B ketegasan pemimpin
 - C amalan prinsip kesaksamaan
 - D kredibiliti pemimpin
- Buku Teks m.s. 169*

- 12 Antara berikut, apakah pendekatan dakwah yang berjaya menarik masyarakat untuk memeluk Islam?
- I Bijaksana
 - II Berdiplomasi
 - III Tegas
 - IV Memaksa
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- Buku Teks m.s. 169*

8.3 Ketokohan Nabi Muhammad SAW sebagai Pemimpin

- 13 Ketokohan Nabi Muhammad SAW terserlah apabila baginda berjaya merangka Piagam Madinah. Antara berikut, apakah kesan pengenalan piagam ini?
- I Orang bukan Islam bebas mengamalkan agama
 - II Menyatukan masyarakat Islam dengan bukan Islam
 - III Bebas menghantar wakil ke luar
 - IV Menggalakkan hubungan perdagangan dengan kerajaan lain

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- Buku Teks m.s. 170*

- 14 Nabi Muhammad SAW menghantar perwakilan atau misi dakwahnya ke luar negara. Apakah negara tersebut?
- I Byzantium
 - II India
 - II China
 - IV Parsi
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- Buku Teks m.s. 170*

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan pembangunan ekonomi di bawah pimpinan Nabi Muhammad SAW.

Membangunkan ekonomi umat Islam tanpa menyisihkan pesaing mereka, iaitu orang Yahudi.

- Apakah langkah yang diambil untuk melaksanakan perkara tersebut?
- A Mengadakan hubungan luar
 - B Mengusahakan tanah terbiar
 - C Membangunkan Pasar Suq al-Ansar
 - D Mengusahakan aktiviti pertanian
- Buku Teks m.s. 171*

- 16 Nabi Muhammad SAW mengatur strategi yang berkesan untuk membuka semula kota Makkah. Antara strategi yang digunakan ialah

- I strategi bertahan
 - II menggali parit
 - III tentera dipimpin oleh beberapa pemimpin tentera
 - IV membahagikan beberapa pasukan tentera
 - A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV
- Buku Teks m.s. 173*

- 17 Apakah kesan pembukaan semula kota Makkah oleh Nabi Muhammad SAW?
- A Menjadi pusat pemerintahan
 - B Menjadi kota suci Islam
 - C Menjadi pusat kebudayaan Arab
 - D Menjadi pelengkap empayar Islam
- Buku Teks m.s. 173*

8.4 Sumbangan Tamadun Islam kepada Dunia

- 18 Pelbagai kaum di negara kita terlibat dalam pembangunan ekonomi negara. Apakah yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?
- A Kehidupan bernegara
 - B Konsep ummah
 - C Sistem syura
 - D Konsep keadilan
- Buku Teks m.s. 175*
- 19 Apakah sistem syura yang diamalkan dalam Tamadun Islam hingga kini?
- A Pemerintahan mengikut hukum syariah

- B Mesyuarat untuk mencapai keputusan mengikut suara terbanyak
 - C Penyatuan masyarakat tanpa mengira agama dan keturunan
 - D Pemerintahan yang adil tanpa mengira kaum dan agama
- Buku Teks m.s. 175*

- 20 Apakah tujuan pengeluaran zakat?
- A Pembangunan umat Islam
 - B Menjalankan ekonomi
 - C Membiayai keperluan negara
 - D Membiayai penyelidikan
- Buku Teks m.s. 176*

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan salah satu sumber baitulmal.

Harta daripada peperangan

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan sumber tersebut?

- I Wakaf
 - II Ghanimah
 - III Jizyah
 - IV Zakat fitrah
 - A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV
- Buku Teks m.s. 177*

- 22 Apakah kepentingan pembinaan kemudahan asas yang berikut?

Sistem pengairan Naurah

- A Meningkatkan hasil pertanian
 - B Memajukan perdagangan
 - C Meningkatkan sistem perhubungan
 - D Menyalurkan air ke kawasan perumahan
- Buku Teks m.s. 177*

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan pusat pendidikan dalam Tamadun Islam.

Para pengkaji atau pelajar dari pelbagai pelosok Eropah telah datang belajar di universiti-universiti Islam terutama dalam bidang sains dan falsafah.

Antara berikut, di manakah pusat pendidikan tersebut?

- I Cordoba
- II Madinah
- III Kufah
- IV Toledo
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 179

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan ilmuwan Islam.

- Pengasas ilmu algebra.
- Pengasas kitab *Hisab al-Jabr wa al Muqabalah*

Siapakah ilmuwan tersebut?

- A Ibn Battuta
- B Ibn Sina
- C Al-Khawarizmi
- D Jabir bin Hayyan

Buku Teks m.s. 181

8.5 Sumbangan Tamadun Islam dalam Bidang Seni Bina

- 25 Seni bina bangunan Islam boleh dilihat pada masjid dan beberapa bangunan bercorak Islam dengan mempunyai ciri-ciri tertentu. Antara berikut, apakah ciri tersebut?
- I Bangunan hanya bersaiz besar
 - II Terletak di kawasan bandar sahaja
 - III Reka bentuk ruang sesuai dengan iklim setempat
 - IV Memberi keselesaan ketika melakukan ibadah
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- Buku Teks m.s. 182*
- 26 Sebuah menara akan dibina di setiap masjid. Apakah fungsi binaan tersebut?
- A Memastikan laungan azan didengari

- B Melambangkan perasaan hormat dan tunduk
- C Tempat imam membaca khutbah
- D penanda arah kiblat
- Buku Teks m.s. 182*

- 27 Mengapakah masjid di Alam Melayu memiliki struktur tingkap yang banyak?
- I Mengurangkan penggunaan batuan
 - II Cuaca panas dan lembap
 - III Memudahkan pengaliran udara
 - IV Mengawasi kawasan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- Buku Teks m.s. 184*

- 28 Bangunan seni bina Islam diperindah dengan ukiran arabes. Apakah ukiran tersebut?
- A Seni khat
- B Seni menulis yang indah
- C Corak hiasan yang disusun dengan awan larat
- D Ukiran bintang-bintang di langit
- Buku Teks m.s. 184*

- 29 Apakah persamaan antara ketiga-tiga binaan berikut?

- Masjid Huang Sheng Shi, China
- Masjid Sultan Ahmet, Turki
- Masjid Moti, India

- A Berinspirasi seni bina istana
- B Terdapat banyak tingkap
- C Masjid dihiasi dengan permata
- D Amalan budaya tempatan mempengaruhi seni bina

Buku Teks m.s. 182

- 30 Mengapakah setiap kerajaan Islam akan membina sebuah masjid utama negara?
- A Lambang kegemilangan Tamadun Islam
- B Lambang kekuatan kerajaan Islam
- C Lambang kebijaksanaan penduduk Islam
- D Lambang wilayah pentadbiran Islam yang luas